



## HUJAN

sekali lagi  
malam ini  
kau peluk kami  
erat-erat  
bersama kesejukan,  
mimpi indah  
dan langit kelam

kau peluk  
erat-erat  
bukan untuk  
kami lemas  
tetapi untuk  
mengingati  
tentang mati

bukan hujan  
tapi air mata langit  
yang mencurah-curah  
menyampaikan rindu  
mengharapkan doa,  
taubat dan kesabaran  
daripada sang hamba  
kepada Tuhannya  
Yang Maha Berkuasa

terima kasih hujan  
kerana datang  
memberi peringatan.



Nukilan  
**Muhammad Azli Shukri**  
Penerbit UMP  
8 Januari 2021

# Hujan

10 January 2021

- 137 views

[View PDF](#)